

D583

U 6720 BAH
MAHATHIR - PENGANGGURAN

KUALA LUMPUR, 17 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN KEPADA RAKYAT BAHAWA KERAJAAN YANG MEMERINTAH SEKARANG MAMPU MENGHAPUSKAN MASALAH PENGANGGURAN DI NEGARA INI DALAM BEBERAPA TAHUN LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KADAR PENGANGGURAN YANG KINI BERADA PADA TAHAP TUJUH PERATUS BOLEH DIKURANGKAN KEPADA KIRA-KIRA TIGA PERATUS PADA TAHUN DEPAN.

BELIAU MENYERU SELURUH RAKYAT SUPAYA BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN BAGI MEMASTIKAN KESTABILAN NEGARA KERANA IA MERUPAKAN SYARAT TERPENTING KE ARAH MATLAMAT TERSEBUT.

BAGI MEMASTIKAN KADAR PENGANGGURAN ITU DAPAT DIHAPUSKAN, KERAJAAN AKAN BERSUNGGUH-SUNGGUH MELAKSANAKAN DASAR BURUH NEGARA YANG BERTUJUAN MEMBERI PELUANG PEKERJAAN YANG SECUKUPNYA KEPADA RAKYAT, KATANYA KETIKA BERUCAP DI HADAPAN KIRA-KIRA 10,000 ORANG SEMPENA LAUTANNYA KE KAUASAN PERUMAHAN BUKIT +C+ KAMPUNG KERINCI DI SINI PETANG INI.

KATANYA, KEGIATAN PELABURAN ASING YANG SEMAKIN PESAT TAHUN INI DIJANGKA TERUS MENINGKAT PADA TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA DAN KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR KE NEGARA INI. -- LAGI.

2143MST 17 06 90 .

MAHATHIR - PENGANGGURAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA LANGKAH MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR ASING AKAN DAPAT MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT.

+HASRAT KERAJAAN UNTUK MENGHAPUSKAN PENGANGGURAN AKAN SUKAR DICAPAI JIKA TIDAK MENDAPAT KERJASAMA DARIPADA RAKYAT+, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT BUKAN SAHAJA PERLU BERSABAR DALAM MENGHADAPI BEBERAPA KEKURANGAN YANG DIHADAPI MALAH HARUS BERUSAHA BAGI MENGEKALKAN SUASANA AMAN DAN TENTERAM YANG DINIKMATI SELAMA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT TIDAK SEPATUTNYA MENGAMBIL TINDAKAN NEGATIF SEPERTI MOGOK KERANA TINDAKAN ITU AKAN MENJEJASKAN USAHA MEMBAWA MASUK PARA PELABUR KE NEGARA INI.

+BILA INI BERLAKU PARA PELABUR AKAN TERTUMPU KE NEGARA-NEGARA YANG LEBIH STABIL DAN YANG AKAN RUGI AKHIRNYA IALAH RAKYAT SENDIRI,+ KATANYA. -- LAGI.

2149MST 17 06 90

D39Q

U 8724 BAH

MAHATHIR - PENGANGGURAN 3 KUALA LUMPUR (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

BELIAU BERKATA PARA PEKERJA DI MALAYSIA MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA JIKA KEGIATAN PARA PELABUR ASING TETAP CERGAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGECEM PARA PEMIMPIN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) KERANA BERSUBAHAT DENGAN PIHAK-PIHAK TERTENTU DI AMERIKA SYARIKAT DALAM USAHA MEREKA MENARIK BALIK FAEDAH SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) YANG DINIKMATI OLEH MALAYSIA SEKARANG.

KATANYA, PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA ITU, YANG JUGA ANGGOTA PARTI SEMANGAT 46 DAN DAP, SEBENARNYA TELAH +MEMBUBUH PASIR+ KE DALAH PERIUK NASI BERIBU-RIBU KAUH PEKERJA DI NEGARA INI.

MENURUTNYA, TINDAKAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA ITU BUKAN SAHAJA BOLEH MENGAKIBATKAN 130,000 PEKERJA ELEKTRONIK DI NEGARA INI HILANG PEKERJAAN MALAH AKAN MEMUSNAHKAN PELUANG-PELUANG BAGI GENERASI PEKERJA SEKARANG.

PADA MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, MENYERU RAKYAT SUPAYA MEMPUNYAI SEMANGAT YANG KENTAL DALAM MENYOKONG KERAJAAN PADA PILIHAN RAYA UMUM YANG AKAN DIADAKAN PADA BILA-BILA MASA SAHAJA. -- LAGI.

220611ST 17 06 90

D587

U B723 BAH

MAHATHIR - PENGANGGURAN 4 KUALA LUMPUR

YANG TURUT HADIR PADA UPACARA ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, TIHBALAN Pengerusi PERHUBUNGAN UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK SULAIMAN MOHAMED, Pengerusi MIC WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK S. SUBRAMANIAM DAN DATUK BANDAR, TAN SRI ELYAS OHAR.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MERASMIKAN TAMAN PERUMAHAN BUKIT ANGKASA, MADRASAHTUL ABDAIAH DAN MENGHADIRI TAKLIMAT TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN BN KAWASAN PARLIMEN LEMBAH PANTAI DI WISMA BELI'A.

INI MERUPAKAN LAWATAN PERTAMA PERDANA MENTERI DALAM SIRI LAWATANNYA KE BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DI SELURUH NEGARA BAGI MEHBETULKAN SEGALA TOMAHAN YANG DIBUAT OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEBAGAI PERSIAPAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG. --